

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Harian Metro (Setempat)

Hari/Tarikh: 15/11/2016

Muka surat: 14

Tajuk : Terap 4 strategi bersaing di peringkat global

## Terap 4 strategi bersaing di peringkat global



**Kota Samarahan:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang bakal menyambut ulang tahun ke-25 penubuhannya tahun depan menerangkan empat fokus strategi dalam Pelan Strategik UNIMAS 2016-2020 bagi memastikan universiti itu terus bersaing di peringkat global.

Naib Canselornya, Professor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi (**gambar**) berkata, empat fokus strategi ialah kecemerlangan dalam pendidikan, inovasi dan penye-

lidian, keternampakan di peringkat golobal dan kelas-tarian kewangan.

Menurutnya, pelan strategik itu diguna berlatar belakangkan keunikan UNIMAS di Malaysia dan Borneo serta sumbangan universiti yang berterusan dalam membantu menjamin keles-tarian komuniti.

"Ketika ini, pengajaran dan pembelajaran di UNIMAS diklasifikasikan sebagai lima bintang dengan mewarangkan kursus serta prog-

ram yang relevan serta ber-daya saing.

"UNIMAS juga mengukir nama di pelbagai platform yang disegani dunia terutamanya dalam bidang penyelidikan. Malah, seorang graduan Ijazah Falsafah (PhD) Kesihatan Awam, Dr Dhesi Baha Raja berjaya mengharumkan nama universiti dengan mencipta aplikasi mengesan wabak denggi dan zika sehingga sistem ini digunakan di seluruh dunia," katanya.